



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/07/24/0019 (14)
Tarikh : 23 Ogos 2024

FANTASTIC CAPABLE SDN BHD

No 26A, Jalan Lang Jaya 1,
Pusat Komersil Lang Jaya,
30010 Ipoh.

Tuan/Puan,

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN SANBUNGAN SILANG PAIP AIR RETIKULASI BAGI CADANGAN SKIM PERNIAGAAN YANG MENGANDUNGI 3 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS LOT 60422 – LOT 60424 (FASA 1) DAN CADANGAN SKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI 18 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DI ATAS LOT 60425 – LOT 60442 (FASA 2), TAMAN TIMUR, MUKIM DURIAN SEBATANG, DAERAH HILIR PERAK, PERAK DARUL RIDZUAN

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU BESERTA PERMIT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti di lampiran A.
3. Pihak Tuan/Puan diingatkan supaya mengikut prosedur dan mematuhi syarat-syarat kerja korek gali yang telah ditetapkan di dalam **Lampiran Kebenaran Serta Permit Bagi Kerja-Kerja Pengorekan Di Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Teluk Intan** dan pemeriksaan rutin akan dijalankan oleh pihak kami dari semasa ke semasa bagi memantau kerja-kerja korek gali yang dijalankan.
4. Pihak Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan kepada pihak **Koridor Utiliti Darul Ridzuan** sebelum memulakan kerja di tapak. Bersama ini disertakan **Borang D** iaitu **Notis Siap Kerja Korek Jalan** yang perlu dikembalikan selepas kerja korek gali selesai dilaksanakan di tapak.
5. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan seperti di lampiran A.
6. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Encik Mohd Shahrul Azri Bin Mohamed Nor** di talian **016-3858654** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/07/24/0019 (14)
Tarikh : 23 Ogos 2024

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN SANBUNGAN SILANG PAIP AIR RETIKULASI BAGI CADANGAN SKIM PERNIAGAAN YANG MENGANDUNGI 3 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS LOT 60422 – LOT 60424 (FASA 1) DAN CADANGAN SKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI 18 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DI ATAS LOT 60425 – LOT 60442 (FASA 2), TAMAN TIMUR, MUKIM DURIAN SEBATANG, DAERAH HILIR PERAK, PERAK DARUL RIDZUAN

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU BESERTA PERMIT

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/6/08/2024/Kamarulazri

s.k :

**Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Teluk Intan,
Jalan Speedy,
36000 Teluk Intan,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Ahmad Zuhaimee Bin Matsah)**





Lampiran A

Bil.	Perkara
1.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM5100.00 seperti yang di muatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: OT-07-0019)
2.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan
3.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm).
4.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.
5.	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.
6.	Segala kerosakan pada mana-mana jalan, longkang atau apa-apa semasa pembinaan atau selepas dua belas bulan (12) mestilah di baiki sepenuhnya dan menjadi tanggungjawab tuan.
7.	Lokasi yang dimaksudkan untuk kerja-kerja pemasangan tersebut adalah berada di dalam kawasan kawalan MPTI.
8.	Perlu menyediakan papan tanda yang mencukupi.
9.	Pastikan semua korekan tidak merosakkan jalanraya, infrastruktur dan perabot jalanraya.
10.	Sekiranya dalam tempoh 6 bulan tidak memulakan kerja, permohonan kelulusan baru hendaklah di kemukakan.
11.	Kerja-kerja semasa waktu puncak hendaklah dielakkan bagi mengelakkan kesesakan lalulintas di kawasan tersebut.
12.	Perlu menghantar <u>Notis Mula Kerja</u> ketika kerja-kerja hendak dimulakan atau setelah kerja-kerja bermula.
13.	Wang deposit hanya akan di kembalikan selepas kerja pembaikan dilaksanakan sepenuhnya mengikut spesifikasi.
14.	Pemohon dikehendaki menyediakan menurap semula laluan korekan dengan kelebaran 2.0 meter.
15.	Pemohon dikehendaki menyediakan <u>Insurans Kerja</u> sebelum kerja dimulakan.
16.	Kerja-kerja pembaikan semula jalan tersebut mestilah berdasarkan " <u>Method Of Statement</u> " yang dilampirkan bersama surat permohonan korekan; dan
17.	Majlis akan membatalkan dan menarik balik kelulusan sekiranya tidak mematuhi syarat yang di tetapkan.

